

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

ANTARA

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN BRUNEI
DARUSSALAM**

(KUPU SB)

DAN

**UNIVERSITAS ISLAM NEGERI (UIN) SIBER SYEKH NURJATI
CIREBON, INDONESIA**

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ini telah dibuat pada Rabu, 30 Oktober 2024.

Di ANTARA

UNIVERSITAS ISLAM NEGERI (UIN) SIBER SYEKH NURJATI CIREBON (selepas ini dirujuk sebagai "**UINSSC**"), mempunyai alamat Jalan Perjuangan, Sunyaragi, Kec. Kesambi, Kota Cirebon, Jawa Barat, Negara Indonesia 45132 di satu pihak;

DAN

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN BRUNEI DARUSSALAM (selepas ini dirujuk sebagai "**KUPU SB**"), mempunyai alamat KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA 2111, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, di pihak yang lain;

UINSSC dan **KUPU SB** selepas ini akan dirujuk sebagai "Pihak" secara berasingan dan "Pihak-pihak" secara kolektif.

BAHAWASANYA:-

- A. **UINSSC** adalah Perguruan Tinggi Keagamaan Negeri (PTKIN) pertama berbasis siber (*Cyber Islamic University*) di bawah Kementerian Agama Republik Indonesia berdasarkan Peraturan Presiden RI Nomor 60 Tahun 2024 yang ditandatangani Presiden RI Ir. H. Joko Widodo pada tanggal 21 Mei 2024. UINSSC berlokasi di kota Cirebon Provinsi Jawa Barat, Indonesia.
- B. **KUPU SB** ialah sebuah institusi bertaraf universiti di Negara Brunei Darussalam yang berusaha memperkukuhkan keupayaan di dalam bidang pendidikan ugama melalui pengetahuan integrasi, latihan, kajian, perkhidmatan, teknologi and kewibawaan berdasarkan prinsip Islam, berkonsepkan Melayu Islam Beraja dan Falsafah Pendidikan Negara.
- C. Pihak-pihak yang memasuki Memorandum Persefahaman ini hendaklah mengesahkan niat masing-masing bagi mewujudkan asas kerjasama dan usahasama antara pihak-pihak berdasarkan kepada terma-terma yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman ini.

ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI SEPERTI yang berikut:

ARTIKEL I

TUJUAN

Tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar-dasar kerajaan dari semasa ke semasa yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam. Pihak-pihak akan sentiasa berusaha untuk menguatkan, meningkatkan dan mengembangkan usahasama berdasarkan kepada prinsip-prinsip ekuiti dan persalingan.

ARTIKEL II

BIDANG KERJASAMA

1. Tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar-dasar kerajaan Negara Brunei Darussalam dari semasa ke semasa yang berkuatkuasa. Pihak-pihak berusaha untuk mengambil langkah yang diperlukan untuk menggalakkan dan mempromosikan kerjasama dalam bidang-bidang berikut:-
 - (a) Kerjasama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran
 - (b) Pertukaran Staf dan Kakitangan;
 - (c) Pertukaran Pelajar-Pelajar;
 - (d) Pemindahan-pemindahan Pelajar;
 - (e) Kursus-Kursus Latihan;
 - (f) Pertukaran Penerbitan;
 - (g) Program Kerjasama Penyelidikan Dan Pengajaran;
 - (h) Pembantu Teknikal Atau Latihan;
 - (i) Kerjasama dalam bidang-bidang lain.
2. Bagi maksud melaksanakan kerjasama berkenaan dengan mana-mana yang dinyatakan dalam perenggan 1 di atas, pihak-pihak akan membuat perjanjian yang mengikat secara sah tertakluk kepada terma dan syarat yang dipersetujui bersama oleh pihak-pihak termasuk klausa kerahsiaan, Penggantungan, Perlindungan hak harta intelek dan penyelesaian pertikaian.

ARTIKEL III

PERKIRAAN KEWANGAN

1. Memorandum Persefahaman ini tidak akan mengurangkan atau meletakkan obligasi kewangan terhadap mana-mana pihak.
2. Setiap Pihak hendaklah menanggung kos dan perbelanjaannya sendiri dalam pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini.

ARTIKEL IV

KESAN MEMORANDUM SEFAHAMAN

Memorandum Persefahaman ini hanya berfungsi sebagai nota keinginan Pihak dan tidak membuat, dan tidak bertujuan untuk membentuk atau membuat, kewajipan berdasarkan undang-undang negara atau antarabangsa dan tidak akan menimbulkan sebarang proses perundangan dan tidak akan dianggap sebagai membentuk atau mewujudkan apa-apa kewajipan yang mengikat atau boleh dikuatkuasakan secara sah, nyata atau tersirat.

ARTIKEL V

TIDAK ADA AGENSI

Tiada apa-apa yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman akan menjadi perkongsian usaha sama atau organisasi perniagaan formal apa-apa jenis di antara Pihak-pihak atau untuk membentuk mana-mana Pihak sebagai ejen yang lain.

ARTIKEL VI

PERLAKSANAAN KUATKUASA, TEMPOH DAN PENAMATAN

1. Memorandum Persefahaman ini akan berkuatkuasa pada tarikh menandatangani dan akan berkuatkuasa selama tempoh **lima (5) tahun**.
2. Memorandum Persefahaman ini boleh diperluaskan untuk tempoh selanjutnya sebagaimana yang dipersetujui secara bertulis oleh Para Pihak.

ARTIKEL VII

NOTIS

Sebarang komunikasi di bawah Memorandum Persefahaman ini akan secara bertulis dalam Bahasa Melayu dan dihantar secara peribadi atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat atau dihantar ke alamat *e-mail* atau faksimili **UNIVERSITAS ISLAM NEGERI (UIN) SIBER SYEKH NURJATI CIREBON** atau **KUPU SB**, seperti ditunjukkan di bawah atau ke alamat atau alamat *e-mail* atau nombor faks, sama ada Pihak mungkin telah memberitahu pengirim dan akan memberitahu, melainkan jika ada diperuntukkan selainnya, disifatkan telah diberikan atau dibuat dengan sewajarnya apabila dihantar kepada penerima di alamat atau alamat *e-mail* atau nombor faksimili yang diakui dengan sewajarnya:

Kepada : **UNIVERSITAS ISLAM
NEGERI (UIN) SIBER SYEKH
NURJATI CIREBON**

International Office

Jl. Perjuangan, Sunyaragi, Kec.
Kesambi, Kota Cirebon, Jawa Barat
45132

Tel: +62 489926

Email :

international@syekhnurjati.ac.id

Kepada : **KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN (KUPU SB)**

Pendaftar, KUPU SB

**UP: Pejabat Antarabangsa dan
Perhubungan Awam**

KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Bandar Seri Begawan, BA
2111

Negara Brunei Darussalam

Tel: +673 2225227

Fax: +673 2225227

ipro@kupu-sb.edu.bn

info@kupu-sb.edu.bn

DITANDATANGANI di **KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM** dalam **DUA (2)** teks asal, masing-masing dalam bahasa Melayu, semua teks yang sama sah, oleh penandatanganan yang diberi kuasa bagi pihak Pihak-Pihak.

Bagi pihak


**UNIVERSITAS ISLAM NEGERI (UIN)
SIBER SYEKH NURJATI CIREBON
INDONESIA**



PROF. DR. H. AAN JAELANI, M.AG
Rektor

Bagi pihak

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
BRUNEI DARUSSALAM**



**PROFESOR MADYA DR. ABDUL NASIR
BIN HAJI ABDUL RANI**
Ra'es

Di hadapan:

PROF. DR. HAJAM, M.AG

Wakil Rektor Bidang Kemahasiswaan
dan kerjasama

Di hadapan:

ADI RANI SOFFIAN BIN ABDUL RAHMAN

Pemangku Pendaftar